

Johor Bahru: Pingat emas acara lompat tinggi wanita menjadi milik Universiti Putra Malaysia (UPM) selepas wakilnya, Yap Sean Yee, 21, (**gambar**) melakukan lompatan setinggi 1.75 meter pada aksi akhir di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai di sini semalam.

Kejayaan itu lebih bermakna apabila penuntut tahun pertama jurusan Pembangunan Sumber Manusia dan Teknologi Maklumat ini memadam rekod lama setinggi 1.66 meter yang diciptakan sekampusnya, Norliyana Kamaruddin pada edisi pertama temasya.

Pingat perak pula menjadi milik Nadia Anggraini dari State University of Jakarta dengan lompatan setinggi 1.70 meter, manakala gangsa dimenangi atlet Universiti HELP, Nurul Falena Gunasekera dengan catatan 1.51 meter.

Emas lompat tinggi milik Sean Yee



Sean Yee, 21, mengakui gembara dengan pingat emas yang diperoleh kerana berjaya mencapai sasaran untuk memecah-

kan rekod temasya yang julung kali disertainya itu.

Pemenang pingat emas dalam dua edisi Sukan Malaysia (SUKMA) terdahulu itu berkata, kemenangan itu menjadikan beliau lebih bersemangat untuk bersaing dalam kejohanan dalam dan luar negara pada masa akan datang.

"Catatan terbaik saya sebelum ini ialah 1.79 meter di Kejohanan Terbuka Pahang pada April 2015 tetapi saya hanya mensasarkan lompatan setinggi 1.75

meter di temasya ini.

"Mujurlah sasaran ini tercapai dan saya kira ia adalah permulaan yang baik untuk tahun ini," katanya.

Sean Yee pula berazam mencatat rekod antara 1.78 hingga 1.80 meter dalam Sukan Tertutup Asian di Doha Qatar pada bulan depan.

"Kalau boleh, saya mahu memperbaiki prestasi dan rekod peribadi yang dicipta sejak menceburi sukan ini pada 2011. Saya yakin ia tidak mustahil jika melakukan latihan yang konsisten," katanya yang pernah mewakili negara di Sukan Komanwel Glasgow Scotland pada 2014. - Oleh **Redzuan Muharam**

